



Timbalan Ketua Menteri, Datuk Amar Awang Tengah Ali Hasan. - NSTP/Hazreen Mohamad

## Sarawak peruntuk RM16.4 juta untuk bekalkan makanan asas

Oleh Melvin Joni  
bhnews@bh.com.my

**KUCHING:** Kerajaan Sarawak memperuntukkan RM16.4 juta untuk membekalkan makanan asas kepada golongan sasaran di seluruh negeri ini.

Timbalan Ketua Menteri, Datuk Amar Awang Tengah Ali Hasan, berkata golongan sasaran yang akan menerima makanan asas ini akan ditentukan oleh Jawatankuasa Bencana Bahagian/ Daerah dengan kerjasama agensi kerajaan, pusat khidmat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang relevan.

"Ia boleh merangkumi ketua isi rumah di kawasan luar bandar dan pedalaman, termasuk golongan miskin bandar dan mereka yang kehilangan pendapatan kerana Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)," katanya pada sidang media Jawatankuasa Kecil Rantian Bekalan Makanan di sini, hari ini.





**Datuk Amar Awang Tengah Ali Hassan bersama Datuk Seri Fatimah Abdullah (kiri) dan Datuk Seri Dr Sim Kui Hian (kanan) pada sidang media di sini, hari ini. - NSTP/Melvin Joni**

Hadir sama Menteri Kebajikan, Kesejahteraan Komuniti, Wanita, Keluarga dan Pembangunan Kanak-Kanak, Datuk Seri Fatimah Abdullah dan Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan Datuk Dr Sim Kui Hian.

Awang Tengah berkata, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Sarawak sudah diminta untuk memastikan bekalan makanan mencukupi di setiap 800 buah pusat jualan/ kedai runcit di seluruh negeri ini.

Selain itu, katanya harga makanan mestilah dikawal mengikut harga borong dan semua pusat jualan/ kedai runcit dibenarkan beroperasi setiap hari dari jam 7 pagi hingga 4 petang.

Pada masa sama, Awang Tengah berkata semua pengangkutan yang membawa bekalan makanan akan dibenarkan polis untuk membuat penghantaran ke seluruh Sarawak tanpa sekatan.

“Kerajaan akan menggunakan semua sumber pengangkutan seperti tentera dan bomba bagi penghantaran makanan ke kawasan luar bandar dan pedalaman yang jauh dan rumit seperti Belaga, Baram, Bario, Batang Ai, Kapit, Ba’Kelalan dan Long Semadoh,” katanya.

Beliau berkata, Jawatankuasa Bencana Bahagian/ Daerah akan mengenalpasti pusat pengagihan di setiap bahagian dan daerah, bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan, pusat khidmat Adun dan NGO yang relevan untuk memastikan pengagihan makanan diselaraskan dengan teratur dan kepatuhan kepada PKP.

<https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2020/03/671065/sarawak-peruntuk-rm164-juta-untuk-bekalkan-makanan-asas>